

keusahawanan

Ahli akademik kongsi ilmu selesai masalah setempat



Dr Susilawati

info

Program Pemindahan Ilmu

→ **Inisiatif** bawah Rancangan Malaysia Ke-10
 → **Berjaya** menghasilkan 459 projek
 → **Membabitkan** 1,698 ahli akademik daripada pelbagai disiplin ilmu, 875 siswazah pelatih, 275 rakan industri dan 184 komuniti



Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr Mary Yap Kain Ching (kiri), melawat pameran sempena Persidangan Kebangsaan Ketiga Pemindahan Ilmu 2016.

Oleh **Basir Zahrom**
 basir_zahrom@bh.com.my

✦ **Kuala Lumpur**

Sekumpulan enam ahli akademik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya melaksanakan Program Peningkatan Pengetahuan Pengusaha Sayuran dan Penjanaan Ekonomi Di Kawasan Kundasang, Sabah.

Pensyarah yang mengetuai projek itu, Dr Susilawati Kasim, berkata pada peringkat awal, mereka perlu meraih kepercayaan masyarakat setempat yang sudah biasa mengamalkan kaedah penanaman sayuran menggunakan baja dan racun tanpa ilmu pengetahuan serta kawalan sewajarnya.

Katanya, amalan itu yang meliputi penggunaan baja subsidi tidak bersesuaian turut mengancam alam sekitar dan kesihatan serta mengakibatkan pembiakan lalat yang banyak ekoran pembuangan bahan sayuran di kawasan mereka.

Beliau berkata, justeru pihaknya mengambil beberapa inisiatif penting, termasuk membawa pengusaha sayuran terbabit meninjau kejayaan petani di Cameron Highlands bagi meyakinkan mereka supaya mempelbagaikan tanaman dan melaksanakan pengurusan ladang yang dapat mengatasi permasalahan berbangkit.

“Usaha dilakukan bukan mudah, terutama dalam menyediakan penyelesaian

masalah amalan pertanian setempat yang bergantung hampir sepenuhnya kepada baja kimia.

Kembangkan usaha

“Mereka antara lain diusul menggantikannya dengan penghasilan baja semiorganik dan baja organik mineral menggunakan bahan tempatan, selain diberi pendedahan kaedah penanaman serta pengurusan penyakit tanaman mahupun tanah secara lestari dan lebih berkesan,” katanya pada Sesi Perkongsian Pengalaman Universiti-Industri-Komuniti sempena Persidangan Kebangsaan Ketiga Pemindahan Ilmu 2016 di Pulau Pinang, baru-baru ini.

Impak projek itu, Dr Susilawati berkata, kumpulannya berjaya mendidik petani terbabit untuk memanfaatkan baja organik hingga 80 peratus penggunaan, sekali gus meraih hasil lebih tinggi, tanah semakin mudah diurus, menyelesaikan masalah lalat dan mengurangkan kos.

Beliau berkata, malah kini ada dalam kalangan mereka yang menjadi usahawan menghasilkan baja organik daripada bahan tempatan untuk kegunaan petani lain.

“Ini adalah antara contoh cara ahli akademik boleh turun padang dan menggunakan ilmu pengetahuan untuk membantu penyelesaian masalah setempat,” katanya.